

06/10/2003

Penghormatan khas untuk Dr M

M Thillinadan

DENPASAR: Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, yang akan bersara hujung bulan ini, akan diberi penghormatan dan penghargaan khas oleh ketua-ketua kerajaan Asean di sini, esok.

Ucapan penghargaan khas itu akan disampaikan Presiden Indonesia, Megawati Soekarnoputri, selaku Pengerusi Sidang Kemuncak Asean Ke-9, pada majlis makan tengah hari untuk ketua-ketua negara Asean+3 (China, Jepun, Korea Selatan) di Pusat Konvensyen Antarabangsa Bali (BICC).

Penghormatan dan penghargaan itu sempena persaraan beliau selepas 22 tahun menjadi Perdana Menteri Malaysia. Beliau juga adalah ketua kerajaan paling kanan dalam Asean.

Pada majlis sama, Megawati akan turut menyampaikan momento mewakili semua ketua negara Asean dan China, Jepun, Korea Selatan serta India kepada Dr Mahathir.

Majlis khas itu yang pertama seumpamanya kepada seorang ketua negara Asean adalah sebagai menghargai sumbangan dan jasa Dr Mahathir kepada keluarga Asean sejak beliau menjadi Perdana Menteri pada 1981.

Menteri Luar, Datuk Seri Syed Hamid Albar ketika diminta mengulas mengenainya berkata, penghargaan kepada Dr Mahathir bukan saja penghormatan besar kepada beliau tetapi seluruh rakyat Malaysia.

"Beliau seorang pemimpin yang proaktif dengan bukan saja menyumbang idea tetapi juga merealisasikannya," katanya pada sidang media di sini, semalam.

Dr Mahathir dan Datin Seri Dr Siti Hasmah Mohd Ali dijadualkan tiba di Lapangan Terbang Antarabangsa Ngurah Rai di sini, jam 1.40 petang esok untuk menghadiri Sidang Kemuncak Asean Ke-9.

Ini kali terakhir beliau menghadiri sidang kemuncak Asean sebagai ketua kerajaan Malaysia.

Sepanjang tempoh 22 tahun dalam Asean, beliau sudah memberikan pelbagai idea dan sumbangan kepada kemajuan dan keamanan serantau khususnya Asean serta menjadi suara gagasan itu dalam pelbagai forum antarabangsa.

Beliau akan dikenang selama-lamanya dalam keluarga Asean, khususnya ideanya berhubung pembentukan wawasan Komuniti Asean 2020, yang sudah mula direalisasikan di Bali apabila Deklarasi Asean Concord II ditandatangani esok.

Komuniti Asean 2020, yang berpandukan Wawasan 2020 di Malaysia, merangkumi tiga tonggak utama iaitu pembentukan Komuniti Keselamatan Asean, Komuniti Ekonomi Asean dan Komuniti Sosial Budaya Asean.

Idea Dr Mahathir berhubung pembentukan Kumpulan Ekonomi Asia Timur (EAEG) membabitkan Asean dan tiga rakan dialognya turut menjadi kenyataan apabila Asean+3 ditubuhkan, walaupun dengan na-ma baru.

Ketika menjadi Pengerusi Asean, beliau juga berjaya memujuk semua enam negara Asean lain menerima kemasukan Myanmar, Kemboja dan Laos ke dalam keluarga pertubuhan itu, walaupun penyertaan dibantah oleh Amerika Syarikat.

Perdana Menteri juga mengambil inisiatif untuk melancarkan projek kereta api trans Asia menghubungkan Singapura di selatan dan Kunming, China, di utara dalam usaha mendekatkan negara Myanmar, Laos, Vietnam dan Kemboja dengan Asean.

Beliau juga menyumbangkan idea kepada pembentukan pembangunan segi tiga di utara Malaysia membabitkan Malaysia, Indonesia dan Thailand serta di selatan membabitkan Malaysia, Singapura dan Indonesia.

Selain itu, Perdana Menteri juga terbabit dalam pembentukan beberapa kawasan pertumbuhan lain termasuk Pembangunan Segi Tiga Mekong-Gangga.

Seorang diplomat Indonesia berkata, Dr Mahathir pemimpin paling layak diberi penghormatan tertinggi di Asean kerana beliau telah banyak menyumbang idea kepada kemajuannya.